

SISTEM BAHASA 4 PT3

Disediakan oleh Cikgu Rozita

BAHAGIAN A

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

1. **Rumah banglo yang terletak di puncak bukit itu milik seorang pesara kerajaan.**
 - a. Di puncak bukit seorang pesara kerajaan tinggal di dalam sebuah rumah banglo
 - b. Pesara kerajaan itu hanya mahu tinggal di puncak bukit itu sahaja.
 - c. Rumah banglo milik pesara kerajaan itu terletak di puncak bukit itu.
 - d. Pesara kerajaan itu membina rumah banglo di atas puncak bukit itu.
2. **“Jangan menghina orang kelainan upaya itu,” kata Luqman kepada Faiz.**
 - a. Faiz diminta supaya tidak menghina orang tua.
 - b. Luqman berharap agar Faiz tidak menghina orang kelainan upaya itu.
 - c. Menurut Luqman, penghinaan terhadap orang kelainan upaya tidak wajar terjadi.
 - d. Oleh sebab orang kelainan upaya itu, Luqman tidak membenarkan Faiz menghina.
3. **Kerusi kayu yang patah itu telah dibaiki oleh abang pada petang semalam.**
 - a. Kerusi kayu itu patah semalam dan dibaiki oleh abang.
 - b. Oleh sebab kerusi kayu itu patah, abang baikinya semalam.
 - c. Pada petang semalam, abang telah membaiki kerusi kayu yang patah itu.
 - d. Pada petang itu abang membaiki kerusi kayu yang patah petang semalam.
4. **Ada kemungkinan kawasan luar bandar itu akan dibangunkan tidak lama lagi.**
 - a. Kawasan luar bandar itu kemungkinannya akan dibangunkan dalam masa yang singkat.
 - b. Kawasan luar bandar itu berkemungkinan akan dibangunkan sedikit masa lagi.
 - c. Kawasan luar bandar itu akan dibangunkan dalam masa yang singkat sahaja.
 - d. Tidak lama lagi, kawasan luar bandar itu akan dibangunkan.
5. **Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak polis untuk menangani gejala merempit.**
 - a. Pihak polis yang terlibat dengan gejala merempit akan ditangani.
 - b. Melakukan usaha untuk menangani gejala merempit dilakukan oleh pihak polis.
 - c. Pihak polislah yang menangani gejala merempit dalam kalangan mereka.
 - d. Gejala merempit cuba ditangani dengan pelbagai cara oleh pihak polis.
6. **Qaish dimarahi oleh ayahnya kerana asyik bermain permainan atas talian sebaik sahaja pulang dari sekolah.**
 - a. Kemarahan ayahnya berpunca daripada permainan atas talian yang dimainkan sebaik sahaja Qaish pulang.
 - b. Sebaik sahaja pulang dari sekolah, Qaish bermain permainan atas talian lalu dimarahi oleh ayahnya.
 - c. Qaish pulang dari sekolah dan terus bermain permainan atas talian bersama-sama ayahnya.
 - d. Qaish dimarahi oleh ayahnya kerana bermain permainan atas talian.
7. **Anak-anak Puan Kaswani yang menjawat jawatan tinggi sekarang adalah hasil daripada kejayaan mereka dalam pelajaran.**
 - a. Anak-anak Puan Kaswani hanya menjawab jawatan yang tinggi setelah berjaya dalam pelajaran.
 - b. Puan Kaswani berjaya membentuk anak-anaknya sehingga berjaya menjawat jawatan yang tinggi.
 - c. Oleh sebab berjaya dalam pelajaran, anak-anak Puan Kaswani telah menjawat jawatan yang tinggi.
 - d. Jawatan yang tinggi berjaya diperoleh oleh Puan Kaswani dan anak-anaknya yang berjaya dalam pelajaran.
8. **Peniaga itu diberi amaran oleh pihak berkuasa kerana makanan di restorannya tidak bersih.**
 - a. Oleh sebab makanan di restorannya tidak bersih, pihak berkuasa telah memberi amaran kepada peniaga itu.
 - b. Pihak berkuasa di restoran itu telah memberi amaran kepada peniaga itu kerana makanannya tidak bersih.
 - c. Pihak berkuasa telah memberi amaran kepada peniaga itu kerana restorannya tidak bersih.
 - d. Kebersihan sangat penting di restoran dan peniaga mestilah diberi amaran.
9. **Beberapa kemudahan asas disediakan oleh kerajaan kepada penduduk kampung yang terpencil itu.**

- a. Kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan asas kepada penduduk kampung yang terpencil itu.
 - b. Penduduk kampung yang terpencil itu meminta kerajaan menyediakan kemudahan kepada mereka.
 - c. Kemudahan disediakan oleh kerajaan kepada penduduk kampung yang terpencil sahaja.
 - d. Kampung itu terpencil kerana tiada kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.
- 10. “Mengapa lelaki itu meninjau-ninjau di belakang rumah aku pada pagi tadi?”
rungut Encik Adam.**
- a. Encik Adam tertanya-tanya mengapa lelaki itu meninjau-ninjau di belakang rumahnya.
 - b. Encik Adam memarahi lelaki itu kerana meninjau-ninjau di belakang rumahnya pagi tadi.
 - c. Encik Adam berasa hairan kerana pagi tadi sahaja lelaki itu meninjau-ninjau di belakang rumahnya.
 - d. Encik Adam merungut dan tertanya-tanya sebab lelaki itu meninjau-ninjau di belakang rumahnya pada pagi tadi.
- 11. Peluang pekerjaan dijangka semakin banyak apabila ekonomi pulih nanti.**
- a. Semakin pulih keadaan ekonomi, semakin banyak peluang pekerjaan ditawarkan.
 - b. Orang ramai berpeluang merebut peluang pekerjaan yang semakin banyak.
 - c. Orang ramai berebut-rebut mencari pekerjaan apabila ekonomi pulih nanti.
 - d. Banyak peluang pekerjaan akan ditawarkan apabila ekonomi pulih nanti.
- 12. Budak berusia dua tahun itu selalu didera oleh ibunya dan kejadian itu sudah mula diketahui oleh jiran-jiran.**
- a. Penderaan yang dilakukan oleh seorang ibu terhadap anaknya yang berusia dua tahun telah diketahui oleh jiran-jiran.
 - b. Sejak dua tahun, budak itu selalu didera oleh ibunya dan diketahui oleh kebanyakan jiran.
 - c. Kejadian penderaan melibatkan seorang budak dua tahun lalu diketahui oleh jiran-jiran.
 - d. Kejadian dera ke atas budak itu sejak dua tahun lalu diketahui oleh jiran-jirannya.
- 13. Pasukan bola sepak sekolah saya telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan bola sepak antara daerah.**
- a. Di daerah kita, pasukan bola sepak sekolah saya telah menjadi juara.
 - b. Pertandingan bola sepak antara daerah itu dimenangi oleh pasukan bola sepak sekolah saya.
 - c. Johan antara daerah dalam pertandingan bola sepak ialah pasukan sekolah saya.
 - d. Pasukan bola sepak menjuarai pertandingan bola sepak yang dianjurkan di daerah saya.
- 14. “Jangan bermasam muka dengan rakan kamu itu kerana dia sebenarnya seorang yang baik,” kata ibu kepada Irdina.**
- a. Ibu tidak membenarkan Irdina bermasam muka dengan rakan baiknya.
 - b. Ibu tidak suka Irdina bermasam muka dengan rakan baiknya.
 - c. Ibu melarang Irdina bermasam muka dengan rakannya kerana rakannya itu seorang yang baik.
 - d. Ibu benar-benar tidak suka kakak bermasam muka dengan rakan baik ibu kerana dia baik.
- 15. Puan Syahida amat sedih kerana anaknya yang hilang itu masih belum ditemui lagi.**
- a. Kehilangan anaknya menyebabkan Puan Syahida berasa amat sedih.
 - b. Kesedihan Puan Syahida yang amat sangat itu berpunca daripada anaknya yang belum ditemui.
 - c. Oleh sebab anaknya yang hilang itu masih belum ditemui, Puan Syahida berasa amat sedih.
 - d. Sungguh sedih anaknya apabila Puan Syahida yang hilang itu masih belum ditemui.
- 16. Pembuatan merupakan sektor terpenting yang menyumbang kepada ekonomi negara diikuti dengan sektor pelancongan.**
- a. Sektor utama negara ialah pembuatan dan pelancongan yang turut menyumbang kepada ekonomi negara.
 - b. Sektor terpenting yang menyumbang kepada ekonomi negara ialah pembuatan, seterusnya sektor pelancongan.
 - c. Pelancongan dan pembuatan menyumbang kepada ekonomi negara yang terpenting.
 - d. Sektor pembuatan mengikuti sektor pelancongan yang menyumbang pendapatan kepada ekonomi negara.
- 17. “Jangan bising dan mengusik rakan ketika cikgu sedang mengajar.” kata Cikgu Shah kepada murid-muridnya.**
- a. Cikgu Shah melarang murid-muridnya membuat bising dan mengusik rakan-rakannya ketika beliau sedang mengajar.
 - b. Cikgu Shah mengingatkan murid-muridnya agar tidak membuat bising dan mengusik rakan-rakannya.
 - c. Cikgu Shah memberi amaran kepada murid-muridnya agar tidak membuat bising dan mengusik rakan-rakannya semasa mereka sedang belajar.
 - d. Cikgu Shah melarang murid-muridnya membuat bising dan mengusik rakan-rakan ketika beliau sedang mengajar.
- 18. Tempoh musim kemarau yang lama mengakibatkan banyak tanaman yang telah musnah.**
- a. tanaman banyak yang musnah kerana kejadian kemarau.

- b. Kemarau yang menyebabkan tanaman mati berlaku terlalu lama.
 - c. Kebanyakan tanaman telah mati dan musnah semasa musim kemarau.
 - d. Banyak tanaman yang telah musnah disebabkan oleh musim kemarau yang sangat panjang.
19. **Kesan rekahan yang ditemui di beberapa blok rumah pangsa itu menyebabkan pihak berkuasa tempatan mengarahkan penghuni di kediaman tersebut berpindah.**
- a. Beberapa blok kediaman dipindahkan kerana terdapat kesan rekahan yang ditemui oleh penghuni rumah pangsa itu.
 - b. Kesan rekahan yang ditemui di beberapa blok kediaman itu menyebabkan penghuninya berpindah.
 - c. Pihak berkuasa tempatan mengarahkan penghuni rumah pangsa itu berpindah kerana terdapat rekahan di beberapa blok kediaman tersebut.
 - d. Rekahan didapati di beberapa blok kediaman itu sehingga menyebabkan para penghuninya berpindah..
20. **Negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia dilanda banjir apabila tiba musim tengkujuh.**
- a. Musim tengkujuh yang berlaku mengakibatkan negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia mengalami banjir.
 - b. Tengkujuh sering berlaku di pantai timur Semenanjung Malaysia pada musim banjir.
 - c. Negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia dilanda musim tengkujuh semasa banjir berlaku.
 - d. Musim tengkujuh mengakibatkan banjir kilat di pantai timur Semenanjung Malaysia.
21. **Puan Insyirah menasihati Auni supaya belajar dengan bersungguh-sungguh agar masa depannya lebih cerah.**
- a. "Belajarlah dengan bersungguh-sungguh supaya masa depan kamu lebih cerah,"kata Auni kepada Insyirah
 - b. "Belajarlah dengan bersungguh-sungguh supaya masa depan kamu lebih cerah,"kata Puan Insyirah kepada Auni.
 - c. "Masa depan kamu pasti cerah kerana kamu belajar bersungguh-sungguh,"kata Puan Insyirah kepada Auni.
 - d. "Dengan belajar bersungguh-sungguh, masa depan kamu pasti cerah,"kata Auni kepada Insyirah
22. **Encik Faris menasihati isterinya agar memikirkan sedalam-dalamnya sebelum membuat sesuatu keputusan.**
- a. "Nasihatilah saya supaya berfikir sedalam-dalamnya sebelum membuat keputusan,"kata Encik Faris kepada isterinya
 - b. "Fikirlah masak-masak sebelum awak membuat keputusan," kata isterinya kepada Encik Faris isterinya
 - c. "Awak perlu membuat keputusan semasa awak berfikir,"kata Encik Faris kepada isterinya.
 - d. "Fikirlah masak-masak sebelum awak membuat keputusan," kata Encik Faris kepada isterinya.
23. **Kerajaan tempatan menggesa pihak pemaju perumahan agar membina lebih banyak rumah kos rendah bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah.**
- a. Golongan berpendapatan rendah menggesa kerajaan tempatan agar pihak pemaju perumahan membina lebih banyak rumah kos rendah.
 - b. Pihak kerajaan tempatan membina lebih banyak rumah kos rendah bersama pihak pemaju perumahan untuk menampung keperluan golongan berpendapatan rendah.
 - c. Pihak pemaju perumahan digesa oleh kerajaan tempatan agar membina lebih banyak rumah kos rendah untuk menampung keperluan golongan berpendapatan rendah.
 - d. Rumah kos rendah yang dibina oleh pihak pemaju perumahan dibina lebih banyak atas gesaan pihak kerajaan tempatan.
24. **Masalah pendatang asing tanpa izin yang semakin menjadi-jadi perlu ditangani oleh kerajaan dengan tegas.**
- a. Pendatang asing tanpa izin yang serius perlu diambil tindakan oleh kerajaan dengan tegas.
 - b. Ketegasan kerajaan dalam menghadapi isu pendatang asing tanpa izin diperlukan.
 - c. Isu pendatang tanpa izin kini semakin meningkat dan menjadi semakin serius.
 - d. Kerajaan perlu bertindak dengan tegas dalam menangani isu pendatang asing tanpa izin yang semakin serius.
25. **Kursus yang berlangsung selama seminggu itu dirasmikan oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri dan disertai oleh lapan puluh orang peserta.**
- a. Lapan puluh orang peserta yang merasmikan kursus yang berlangsung selama tiga hari itu dirasmikan oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri.
 - b. Lapan puluh orang peserta yang menyertai kursus daripada pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri telah berlangsung selama seminggu.
 - c. Lapan puluh orang peserta telah menyertai kursus selama seminggu yang dirasmikan oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri.
 - d. Lapan puluh orang peserta dan pegawai yang berkursus di Jabatan Pendidikan Pelajaran telah berlangsung selama seminggu.